



**PERUTUSAN
YB DATUK SERI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

HARI TAPIR SEDUNIA 2018 (WORLD TAPIR DAY 2018)

27 APRIL 2018

Hari Tapir Sedunia / World Tapir Day disambut pada 27 April setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran orang awam terhadap kepentingan konservasi spesies tapir di seluruh dunia. Spesies tapir yang terdapat di dunia terdiri daripada:

- a. Tapir Malaysia / Malayan Tapir (*Tapirus indicus*) - terdapat di Asia Tenggara dan Malaysia.
- b. Tapir Baird / Baird's Tapir (*Tapirus bairdii*) - terdapat di Mexico dan Amerika Tengah.
- c. Tapir Gunung / Mountain Tapir (*Tapirus pinchaque*) - terdapat di hutan tanah tinggi dan paramos di utara Andes di Colombia dan Ecuador.
- d. Tapir Brazil / Lowland Tapir (*Tapirus terrestris*) - terdapat di kawasan hutan Amerika Selatan.

Tapir membantu mengekalkan biodiversiti dan kestabilan ekosistem tropika kita. Tapir juga dikenali sebagai "umbrella species" kerana ia memerlukan habitat yang luas sama seperti spesies harimau, primat, rusa dan pelbagai spesies hidupan liar lain yang terdapat dalam hutan tropika kita. Perlindungan habitat dan spesies tapir bermakna kita melindungi keseluruhan spesies hidupan liar yang lain.

Tapir juga membantu mengekalkan landskap semulajadi habitat atau kawasan perlindungan yang mana ia berperanan sebagai penyebar biji benih. Tapir memakan pelbagai jenis buah-buahan hutan yang bermusim seperti pokok ara. Benih buah-buahan yang jatuh ke tanah ini akan dimakan oleh tapir dan ia secara tidak langsung disebarkan ke lokasi yang lain ketika tapir memakan buah tersebut.

Proses ini membantu penyebaran biji benih untuk pertumbuhan pokok baharu. Pertumbuhan pokok baharu ini membantu menambah bilangan pokok-pokok yang terdapat di dalam hutan. Tapir mempunyai selera yang besar, maka mereka juga digelar sebagai 'Tukang Kebun Hutan' kerana peranannya dalam meningkatkan penyebaran biji benih baharu pokok hutan.

Oleh kerana saiz dan sifat fizikalnya yang besar, tapir adalah salah satu spesies yang terjejas akibat pembukaan habitat yang tidak terkawal. Kepupusan setempat atau penurunan populasi tapir ini boleh mencetuskan kesan buruk terhadap beberapa proses ekologi utama (penyebar biji benih dan nutrien) dan akhirnya menjejaskan ekosistem hutan dalam jangka panjang.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) amat komited di dalam memulihara dan memelihara spesies hidupan liar. Tanggungjawab kerajaan di dalam konservasi hidupan liar dizahirkan melalui Dasar Kepelbagaian Biologi Negara (DKBK) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada Februari 2016 yang lalu. Dasar ini adalah selaras dengan komitmen negara di peringkat antarabangsa iaitu Convention on Biological Diversity (CBD), Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES) dan International Union for Conservation of Nature (IUCN).

Tapir Malaya (*Tapirus indicus*) adalah satu daripada empat spesies tapir di dunia yang hanya boleh dijumpai di Asia Tenggara iaitu di Utara Myanmar, Thailand, Sumatera Indonesia dan Semenanjung Malaysia. Anggaran populasi tapir di habitat liar Semenanjung Malaysia pada masa kini adalah antara 700 hingga 800 ekor. Tapir telah dikelaskan sebagai spesies yang **dilindungi sepenuhnya** di dalam Jadual Kedua Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716). Di peringkat antarabangsa, tapir disenaraikan sebagai Appendix I dalam 'Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES)' yang mana spesies ini tidak boleh diperdagangkan. Di dalam IUCN Redlist (2015), **tapir dikategorikan sebagai spesies terancam**.

Ancaman utama tapir di Semenanjung Malaysia adalah kehilangan hutan, fragmentasi habitat dan penurunan kualiti habitat disebabkan aktiviti-aktiviti seperti penerokaan hutan, pembalakan, perladangan, pemburuan hidupan liar melalui pemasangan jerat dan juga pembukaan hutan bagi tujuan penempatan. Akibat aktiviti ini, tapir yang terganggu akan keluar dari habitatnya (displacement) dan sering kelihatan berkeliaran di kawasan-kawasan berhampiran penempatan penduduk dan ladang pertanian.

Sepanjang tempoh 2006-2018 sebanyak 327 kes aduan berkaitan tapir diterima oleh Jabatan PERHILITAN. Selain daripada itu, kematian akibat kemalangan jalanraya (road-kill) juga didapati meningkat sepanjang tempoh tersebut. **Sejumlah 100 ekor tapir mati dilanggar telah direkodkan antara tahun 2006 – Mac 2018.**

Pihak NRE menyedari akan masalah ini dan telah menjalankan beberapa program bagi melindungi dan memulihara kelestarian Tapir Malaya. Antara usaha-usaha tersebut adalah:

a. Program Safe Tapir Crossing (STC).

Program STC merupakan inisiatif Jabatan PERHILITAN dalam mengurangkan kejadian kemalangan melibatkan tapir di jalanraya. Buat permulaan, sebanyak 24 unit papan tanda lintasan tapir, 37 set Transverse Bars dan 24 unit Amber Light telah ditempatkan di empat (4) lokasi tertentu yang menjadi laluan tapir di negeri Johor pada 2015 dengan perbelanjaan sebanyak RM180,000 di bawah projek Central Forest Spine (CFS). Projek ini akan diperluaskan lagi ke kawasan-kawasan lain terutama di kawasan yang sering menjadi laluan hidupan liar. Di samping itu, sebanyak 236 papan tanda lintasan hidupan liar juga telah dipasang di sepanjang jalan yang dikenalpasti sebagai kawasan panas kemalangan hidupan liar di seluruh Semenanjung Malaysia.

b. Program menyelamatkan Tapir

Program tangkapan dan pemindahan tapir akan terus dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN terutama di kawasan-kawasan hutan terkepung yang dikenalpasti mempunyai populasi tapir. Sebanyak 68 ekor tapir telah ditangkap dan dipindahkan ke kawasan hutan yang lebih besar dan selamat oleh pihak Jabatan PERHILITAN. Terdapat juga tapir yang diselamatkan ditempatkan di Pusat Konservasi Tapir di Sungai Dusun untuk tujuan pembiakan. Sebanyak 13 ekor anak tapir telah dilahirkan di Pusat Konservasi Tapir tersebut di antara tahun 2004 hingga 2018 yang mana 11 ekor daripadanya telah dilepaskan ke habitat liar.

c. Program Penyelidikan dan Konservasi

Jabatan PERHILITAN juga menjalankan survei populasi dan taburan tapir bagi mengetahui populasi tapir yang terkini. Maklumat penggunaan habitat dan kawasan keliaran bagi tapir yang dilepaskan semula juga dikumpulkan bagi merancang usaha konservasi tapir seterusnya. Sebanyak tujuh (7) ekor tapir telah dipasang kolar satelit bagi tujuan ini. Selain itu, kerjasama konservasi dan penyelidikan tapir turut dilaksanakan melibatkan dengan pelbagai pihak termasuk Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, World Wildlife Fund (WWF) Malaysia, Durrell Institut of Conservation and Ecology (DICE), University of Kent, Canterbury, Copenhagen Zoo dan University of Sydney dalam bidang ekologi, kelakuan, pemakanan, pembiakan, DNA dan nutrisi. Pada tahun 2015, Jabatan PERHILITAN telah menghantar sepasang tapir iaitu 'Im' (2 tahun jantan) dan 'Bertam' (3 tahun betina) ke Nagasaki Bio Park, Jepun bagi tujuan konservasi. 7 Pasangan tapir ini telah merekodkan dua (2) kelahiran tapir jantan yang diberi nama "Persa" dan "Jam". Kerjasama antara Kerajaan

Malaysia dan Jepun ini adalah selama 10 tahun yang mana kos program akan ditanggung oleh Nagasaki Bio Park, Jepun. Melalui program ini, Jabatan PERHILITAN menerima faedah dalam bentuk latihan kakitangan, pertukaran kemahiran dan pemindahan teknologi dalam konservasi hidupan liar.

d. Memperkasa Tindakan Penguatkuasaan

Jabatan PERHILITAN melalui pelbagai operasi penguatkuasaan yang dijalankan telah berjaya menangani sebanyak 2,944 kes jenayah hidupan liar dengan lebih daripada 150 spesies hidupan liar berjaya diselamatkan sepanjang tahun 2016 hingga 2017. Jerat merupakan alat yang digunakan oleh pemburu haram untuk menangkap hidupan liar. Jerat berupaya menyebabkan kepupusan pelbagai spesies hidupan liar termasuk tapir secara drastik kerana ia boleh mendatangkan kecederaan yang serius kepada mangsa dan seterusnya mengakibatkan kematian.

Lebih daripada 2000 utas jerat telah dimusnahkan dalam 630 operasi jerat yang telah dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN sepanjang tahun 2013 sehingga 2017. Penggunaan jerat ini merupakan tindakan yang sangat zalim, sangat kejam dan tidak berperikemanusiaan. Menyedari ancaman utama hidupan liar ini, tahun 2018 telah diisytiharkan sebagai tahun perangi jerat.

Jabatan PERHILITAN juga sentiasa melaksanakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan berterusan secara Strategi Lautan Biru (NBOS) melalui operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasa seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM). Kerjasama dan operasi juga dijalankan bersama Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan hidupan liar seperti WWF-Malaysia, Wildlife Conservation Society (WCS), Malaysia Nature Society (MNS), RIMBA, Pertubuhan Pelindung Alam Malaysia (PELINDUNG), The Malaysian Conservation Alliance for Tigers (MYCAT) dan The Wildlife Trade Monitoring Network (TRAFFIC) Southeast Asia.

NRE melalui Jabatan PERHILITAN sentiasa mengkaji langkah-langkah terkini dan sentiasa membuat penambahbaikan terhadap usaha konservasi Tapir Malaya bagi memastikan populasi spesies ini sentiasa berada pada tahap yang sesuai dengan habitat semulajadinya. Di samping itu, kerjasama dari semua sektor dalam dan luar negara amat diperlukan dalam menjamin kelestarian spesies ini.

Sempena Hari Tapir Sedunia 2018 ini, marilah kita menunjukkan sifat keperikemanusiaan kita terhadap hidupan liar terutamanya tapir dan melaksanakan tanggungjawab kita untuk memelihara dan melindungi flora dan fauna yang tidak ternilai ini. **Berhentilah membunuh dan menzalimi hidupan liar.** Marilah kita bersama berganding bahu untuk menyelamatkan hidupan liar yang merupakan **khazanah negara** yang amat berharga ini. Usah biarkan hidupan liar kita pupus kerana kelak kita tidak berupaya menggantikannya untuk generasi akan datang. Setelah hilang, mereka **TIDAK BOLEH GANTI** lagi. Ayuh selamatkan hidupan liar.

Hidupan Liar Untuk Generasi Akan Datang.